

Akta Menghina Mahkamah akan dikaji

BH - 2 JAN 2000

KUALA LUMPUR: Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata beliau sedia meneliti cadangan Majlis Peguam Malaysia untuk mewujudkan Akta Menghina Mahkamah, di negara ini.

Menurutnya, beliau sudah dimaklumkan mengenai memorandum yang dihantar Majlis Peguam kepada kerajaan baru-baru ini, tetapi belum sempat menelitinya.

Beliau yang dilantik menganggotai Kabinet selepas pilihan raya lalu mengesahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikannya tanggungjawab menjaga hal ehwal berkaitan Undang-Undang dan Kehakiman.

“Oleh kerana saya masih baru, hal itu sudah dilaporkan dan saya kira itu satu perkara yang baik untuk diwujudkan satu akta berkaitan menghina mahkamah,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyampaian bantuan zakat untuk fakir miskin, anak yatim dan golongan kurang upaya bagi Parlimen Cheras, di Dewan Umno Cheras, di sini semalam.

Beliau diminta mengulas perkembangan terkini memorandum yang dihantar Majlis Peguam pada Ogos lalu yang mengandungi draf Akta Kontem Mahkamah 1999.

Presiden Majlis Peguam, RR Chelvarajah, dipetik sebagai berkata, antara cadangan dalam draf itu ialah hakim juga boleh disabitkan kesalahan kerana menghina mahkamah.

Dr Rais berkata, Perdana Menteri sendiri pernah menegaskan kerajaan akan mengkaji akta berkenaan berikutan ada pihak tertentu di kalangan pengamal undang-undang mengambil kesempatan membuat tuduhan melulu semasa menjalankan tugas perbicaraan mahkamah.

Beliau berkata, yang penting, Akta Menghina Mahkamah yang akan digubal itu perlu bersesuaian dengan konsep keadilan dan kesejahteraan undang-undang.